

NO SOALAN : 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 10.03.2015 (SELASA)

YB TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada baki wang sebanyak US\$1.1 bilion yang telah dituntut oleh 1MDB daripada pelaburan di Cayman Island adalah berbentuk wang tunai atau masih dalam pegangan aset. Di manakah lokasi wang tunai atau aset ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Baki dana pelaburan 1MDB yang telah diuruskan oleh Cayman Monetary Authority sebanyak USD1.103 bilion telah ditebus (*redeemed*) dalam bentuk wang tunai dan masih disimpan dalam mata wang US Dolar di BSI Bank Limited Singapore (BSI Singapore). Keputusan untuk menggunakan Bank di Singapura bertujuan untuk memudahkan urusan pengeluaran wang memandangkan peraturan yang ditetapkan oleh Bank

Negara Malaysia (BNM) memerlukan kelulusan BNM diperolehi bagi setiap transaksi wang melebihi RM50 juta.
